



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**24 Disember 2020  
9 Jamadilawal 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• •
Kosmo !	• Hasil laut dijual separuh harga
Sinar Harian	• 14 tukun tiruan dilabuhkan di perairan Sabak Bernam
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
The Borneo Post	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		18 24/12/2020

## Hasil laut dijual separuh harga

KOSMO M/S 18 24/12/2020

**JOHOR BAHRU** – Atas dasar prihatin terhadap golongan yang terjejas akibat pandemik Covid-19, Pasar Tanya Pukat Walk menawarkan potongan jualan sehingga 50 peratus khusus buat keluarga berpendapatan rendah dan sederhana.

Pengurus Pukat Johor, Azuan Mohd. Ali, 43, berkata, konsep menjual pelbagai hasil laut itu dibuat di premis mereka di pasar yang terletak di Taman Cendana, Taman Saujana Plentong dan Pusat Perdana.

Katanya, terdapat lebih 50 hasil laut seperti ikan, siput, sotong, udang dan kerang dijual pada harga yang jauh lebih mu-

rah berbanding harga pasaran.

"Kami faham ramai isi rumah kehilangan pekerjaan, malah pendapatan berkurangan akibat pandemik Covid-19 ini."

"Atas sebab itu kami membuka pasar ini di kawasan terpilih khususnya di kawasan perumahan B40. Bukan sahaja harga yang ditawarkan lebih rendah, hasil laut yang dijual juga segar," katanya ketika ditemui di Pasar Tanya Pukat Walk di Jalan Persiaran Cendana di sini semalam.

Azuan memberitahu, tangkapan hasil laut ini didatangkan terus dari nelayan tanpa melalui orang tengah.

Tambahnya, kesemua hasil

laut diperoleh dari Kuala Kedah, Kedah; Tok Bali, Kelantan; Sabah dan juga Indonesia.

Tambahnya, pihaknya juga membantu nelayan tempatan selain mendapatkan bekalan ikan air tawar dari Simpang Renggam.

"Ikan air tawar seperti keli dan tilapia ini dibela di kolam kita sendiri di Simpang Renggam. Kita juga ambil ikan-ikan daripada nelayan yang tidak dapat menjual hasil tangkapan mereka."

"Antara harga yang ditawarkan seperti bawal hitam yang dijual pada harga RM25 sekilogram, bawal emas (RM31), peling (RM3) siakap (RM9) dan ikan merah (RM28)."



SEORANG pekerja menunjukkan antara hasil laut yang dijual pada separuh harga di Pasar Tanya Pukat Walk di Johor Bahru semalam.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		34 24/12/2020

# 14 tukun tiruan dilabuhkan di perairan Sabak Bernam

SH M/S 24 24/12/2020

Tukun tiruan bernilai RM300,000 itu berfungsi sebagai tempat pembiakan pelbagai jenis ikan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SABAK BERNAM

Jabatan Perikanan Selangor melabuhkan 14 tukun tiruan dasar lembut di perairan Sabak Bernam iaitu kira-kira lima batu nautika dari Pantai Bagan Nakhoda Omar (BNO) di sini pada Rabu.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Ir Izham Hashim berkata, tukun tiruan bernilai keseluruhan RM300,000 itu berfungsi sebagai tempat pembiakan pelbagai jenis ikan seperti jenahak, kerapu, merah dan anak-anak ikan selain hidupan laut lain.

Menurutnya, kerja meletakkan tukun tiruan berbentuk empat segi (kuboid) itu dilaksanakan syarikat



kontraktor yang menyediakan ponton untuk mengangkat tukun dan jentera pengangkat serta bot tunda ponton.

"Kerja-kerja mengangkat tukun seberat 16.7 tan metrik dari ponton ini mengambil masa kira-kira empat hingga lima jam sebelum tukun ini berjaya dilabuhkan di dasar tapak perairan yang berpasir dan berlumpur dengan kedalaman sekitar 20 meter yang memang sesuai untuk peletakan tukun tiruan," katanya.

Tukun tiruan dasar lembut dilabuhkan di perairan Sabak Bernam iaitu kira-kira lima batu nautika dari Pantai Bagan Nakhoda Omar (BNO) pada Rabu.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Program Melabuh Tukun Tiruan Dasar Lembut Penghalang Pukat Tunda di Perairan Sabak Bernam di sini pada Rabu.

Izham berkata, usaha dilakukan itu juga diharap dapat meningkatkan lagi sosio ekonomi khususnya komuniti nelayan setempat selain memajukan lagi sektor pelancongan menerusi aktiviti memancing yang begitu terkenal di daerah itu.